

U B298 AAB

MAHATHIR - ISLAM

KUALA LUMPUR, 16 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN KEPADA MASYARAKAT ISLAM AKAN BAHAYANYA TERCETUS BERSENGKETA BAHKAN BERPERANG SESAMA SENDIRI AKIBAT SIKAP MUDAH MENUDUH SESUATU PEMERINTAHAN SEBAGAI TIDAK ISLAM.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAHAWA UMAT ISLAM TIDAK BOLEH BERPEGANG KEPADA SATU-SATU TAFSIRAN MENGENAI KERAJAAN ISLAM, SATU PERKARA YANG HANGAT DIPERBINCANGKAN SEKARANG, SEHINGGA BERMUSUHAN DENGAN ORANG ISLAM YANG LAIN YANG TIDAK MENERIMA SATU-SATU TAFSIRAN.

+JIKA KITA BERBUAT DEMIKIAN MAKA AKAN BERLAKULAH SENKETA, BAHKAN PEPERANGAN SESAMA KITA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN KOMPLEKS PUSAT ISLAM DI SINI HARI INI.

PRESIDEN REPUBLIK MALDIVES ENCIK ABDUL MAUMON QAYUM HADIR SEBAGAI TETAMU KHAS PADA MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN ITU. YANG TURUT HADIR IALAH SHEIKH UNIVERSITI AL-AZHAR ENCIK ALI GADUL HAQ, BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN ONN DAN MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TAFSIRAN MENGENAI KERAJAAN ISLAM BERBEZA-BEZA DAN TIADA SIAPA PUN DAPAT BERKATA BAHAWA TAFSIRANNYA SAHAJA YANG TEPAT. -- LAGI.

1310MST 16 09 85

MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYERU UMAT ISLAM DI NEGARA INI AGAR JANGAN MUDAH TERPESONG OLEH SIKAP TERLALU MEMENTINGKAN RUPABENTUK SEHINGGA TERLUPA PENTINGNYA PERSAUDARAAN DALAM ISLAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AGAMA ISLAM DI SAMPING MAHU UMATNYA BERSATU DAN BERIBADAT UNTUK AKHIRAT JUGA MEMPUNYAI TUNTUTAN-TUNTUTAN TERHADAP UMATNYA MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN MEREKA DI DUNIA.

MENURUTNYA UMAT ISLAM KINI BUKAN SAHAJA MEMPUNYAI KELEMAHAN MATERIAL UNTUK MEMPERUKUHKAN KEDUDUKAN MEREKA TETAPI JUGA KELEMAHAN KETAHANAN DIRI.

STRATEGI YANG PALING BESAR DAN MUSTAHAK BAGI MENGUKUHKAN UMAT ISLAM KHUSUSNYA DI NEGARA INI IALAH DENGAN MENGUKUHKAN EKONOMI, PENGETAHUAN DAN PENCAPAIAN ILMU, KEUPAYAAN MEMBANGUNKAN DIRI DAN KETAHANAN DARIPADA SEGALA ANCAMAN FIZIKAL SERTA PENGARUH KEFAHAMAN-KEFAHAMAN NEGATIF, TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA UMAT ISLAM ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM LEBIH MAJU DARIPADA BANGSA-BANGSA LAIN KERANA MEREKA BERJAYA MEMENUHI TUNTUTAN ISLAM SUPAYA MEREKA MENGUKUHKAN KEDUDUKAN DI DUNIA DI SAMPING BERPEGANG TEGUH KEPADA AJARAN ISLAM.

-- LAGI.

1401MST 16 09 85

MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR

KATANYA UMAT ISLAM KETIKA ITU MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA YANG BESAR KEPADA MANUSIA DAN ALAM IAITU MEMBAWA KEMAKMURAN KEPADA DUNIA DAN KEBAHAGIAN UNTUK MANUSIA MELALUI PENCAPAIAN ILMU PENGETAHUAN YANG TINGGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KELEMAHAN UMAT ISLAM KINI ADALAH AKIBAT FAHAMAN SEMPIT YANG MENGUASAI UMAT ISLAM SELEPAS ZAMAN KEGEMILANGAN MEREKA IAITU KONONNYA ILMU PENGETAHUAN YANG TIDAK BERASASKAN AGAMA TIDAK PENTING.

KATANYA KERANA KECEWA DENGAN KELEMAHAN MEREKA, RAMAI ORANG ISLAM MENGAMBIL SIKAP BAHAWA BERUSAHA MEMAKMURKAN BANGSA DAN NEGARA TIDAKLAH TERMASUK DALAM TUNTUTAN ISLAM.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA FAHAMAN YANG MELEMAHKAN UMAT ISLAM ITU KINI MASIH BERLAKU DALAM MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI.

BELIAU BERSYUKUR, WALAUPUN ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU CUBA MENGHALANGINYA, TETAPI KINI MUNCUL KESEDARAN ISLAM BARU YANG MENDORONG KE ARAH PEMBENTUKAN SISTEM PENDIDIKAN YANG MENGIMBANGKAN TEKanan ANTARA PELAJARAN AGAMA DENGAN TUNTUTAN ILMU-ILMU LAIN YANG BOLEH MENGUATKAN UMAT ISLAM MENGHADAPI CABARAN DUNIA MODEN. -- LAGI.
1419MST 16 09 85

D899

R B322 REPEAT AAB

MAHATHIR - ISLAM 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA USAHA KERAJAAN MENINGGIKAN SYIAR ISLAM DALAM ASPEK MEMBERI KESEDARAN TERHADAP ISLAM HAMPIR MENCAPAI MATLAMATNYA DAN UMAT ISLAM MEMPEROLEHI BANYAK MANAFAAT DARIPADANYA.

KATANYA RAMAI UMAT ISLAM KINI MEMPUNYAI SIKAP KOMITED TERHADAP ISLAM DAN RELA MENERIMA ISLAM SEBAGAI ASAS HIDUP DAN MATINYA DAN ORANG-ORANG BUKAN ISLAM PULA TIDAK BERASA CURIGA DENGAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM OLEH KERAJAAN.

ORANG-ORANG BUKAN ISLAM DI NEGARA INI JUGA KINI LEBIH MEMAHAMI PANDANGAN ISLAM TERHADAP SOAL-SOAL KEMASYARAKATAN DAN JUSTERU ITU TIDAK MENUNJUKKAN APA-APA BANTAHAN BAHKAN MEMBERI SOKONGAN SECARA TERBUKA, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH JUGA MERASMIKAN BALAI PAMERAN ISLAM DI BANGUNAN PUSAT ISLAM DAN MENYAKSIKAN PAMERAN YANG DIADAKAN SEMPENA PERASMIANNYA. --
BERNAMA

1447MST 16 09 85